

0022

B B106 AAB
MAHATHIR - KOMODITI R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 4 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI MELABUR LEBIH BESAR DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN BERUSAHA SECARA BERKUMPULAN BAGI MENINGKATKAN PENGGUNAAN BAHAN MENTAH DI PASARAN DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA TERSEBUT HENDAKLAH MENJALANKAN KEMPEN BERSAMA BAGI MEMPERTINGKATKAN LAGI PENGGUNAAN BARANG KELUARAN MASING-MASING.

BELIAU MENGUTARAKAN PERKARA INI SEMASA PERBINCANGAN DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI BURMA, U MAUNG MAUNG KHA, DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI HARI INI.

DELEGASI PERINGKAT TINGGI BURMA ITU, YANG TERMASUK EMPAT ORANG MENTERI, SEDANG MELAKUKAN LAWATAN MUHIBAH LIMA HARI KE MALAYSIA, YANG PERTAMA OLEH PEMIMPIN BURMA SEJAK JENERAL NE WIN MELAWAT KUALA LUMPUR DALAM 1974.

BEBERAPA ORANG MENTERI KABINET MALAYSIA TURUT HADIR DI PERBINCANGAN ITU.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG MEMBERITAHU PEMBERITA KEMUDIAN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGGARISKAN PERKARA-PERKARA INI KERANA BELIAU BERPENDAPAT NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI SERING DIJADIKAN MANGSA OLEH NEGARA-NEGARA MAJU. - LAGI.

1838MST 04 07 87

0028

B B108 AAB
MAHATHIR - KOMODITI 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PELAWAT-PELAWAT ITU BAHAWA MEMANDANGKAN NEGARA-NEGARA MAJU MENGADAKAN KERJASAMA YANG BAIK DI KALANGAN MEREKA DAN MALAHAN KADANG KALA BERTINDAK TANPA MENGHIRAUKAN KESANNYA TERHADAP NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, +KITA DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HENDAKLAH BERGANDING BAHU BAGI MENJAGA KEPENTINGAN KITA.+

NEGARA-NEGARA MAJU JUGA TELAH MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK BAGI PENYELIDIKAN DAN SEBAGAI HASILNYA, MEREKA SEKARANG TIDAK LAGI BEGITU BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SECARA INDIVIDU, NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI TIDAK AKAN BERUPAYA MENJALANKAN KERJA PENYELIDIKAN MENGENAI KELUARAN MEREKA TETAPI INI BOLEH DIJAYAKAN JIKA MEREKA BEKERJASAMA.

MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA-BURMA, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN HARAPAN HUBUNGAN DAGANGAN DAPAT DIPERTINGKATKAN.

DAGANGAN MALAYSIA DENGAN BURMA BERJUMLAH KURANG DARIPADA DUA PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGANNYA KESELURUHANNYA DAN KEDUA-DUA PEMIMPIN SEPENDAPAT HAL INI PERLU DIPERBAIKI LAGI. -- LAGI.

1849MST 04 07 87

B B111 AAB
MAHATHIR - KOMODITI 3 KUALA LUMPUR

SEMASA PERBINCANGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MELAHIRKAN MINAT MALAYSIA UNTUK MEMPELAJARI CARA PENANAMAN POKOK JATI DARI BURMA.

TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA MALAYSIA MUNGKIN MENGHANTAR ORANG-ORANG YANG BERKENAAN KE BURMA MEMPELAJARI PERKARA ITU.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA PERTEMUAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK ITU BUKAN MERUPAKAN RUNDINGAN TETAPI PERBINCANGAN, TIDAK ADA SEBARANG +KOMITMEN+ MENGENAI TAJUK-TAJUK YANG DIKEMUKAKAN.

+KITA AKAN MENGADAKAN RUNDINGAN SUSULAN,+ KATA TAN SRI ZAINAL ABIDIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT MINAT MALAYSIA BAGI MEMUPUK PERSAHABATAN YANG LEBIH ERAT KHUSUSNYA DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN.

-- LAGI.

1854MST 04 07 87

0040

B B118 AAB
MAHATHIR - KOMODITI 4 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN HARAPAN MALAYSIA UNTUK MELIHAT
PENYELESAIAN MUKTAMAD TERHADAP MASALAH KAMPUCHEA.

KEDUA-DUA PEMIMPIN JUGA BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT MENGENAI MASALAH
PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA MEREKA DAN
BERIKRAR UNTUK BEKERJASAMA DALAM PEMBANTERASAN MASALAH INI.

PERDANA MENTERI BURMA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR
MAHATHIR MENGENAI RANCANGAN NEGARANYA UNTUK MENGHAPUS PENANAMAN POPI
DAN MENYATAKAN BAHAWA BURMA BARU-BARU INI MENGUATKUASA UNDANG-UNDANG
YANG MENGENAKAN HUKUMAN MATI KE ATAS PESALAH NAJIS DADAH.

TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH
MENERIMA UNDANGAN DARIPADA RAKANNYA ITU UNTUK MELAWAT BURMA. --
BERNAMA.

1909MST 04 07 87